

KEMPEN CONNECT DUITNOW & PENDAFTARAN DUITNOW ID

Kali terakhir dikemaskinikan pada 7 Januari 2021

TEMPOH KEMPEN

“Daftar dan Pindahkan Wang dengan DuitNow & Menang Pulangan Tunai” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 10 Januari 2022 dan berakhir pada 09 April 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan Bank (“Pelanggan”) yang:
 - (i) merupakan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect (“HLB Connect”) yang baharu dan sedia ada dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun-i Semasa atau Simpanan HLISB (“CASA/CASA-i”) sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
 - (ii) sudah atau belum mendaftar DuitNow ID mereka dengan Bank atau bank-bank lain semasa Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisyiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.

TATACARA KEMPEN DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan:
 - (i) pertama sekali perlu **meldaftar masuk ke HLB Connect**; dan
 - (ii) melakukan **Pendaftaran DuitNow ID baru melalui HLB Connect** menggunakan nombor telefon mudah alih, nombor MyKad, nombor pasport atau nombor pendaftaran perniagaan dan **pautkan DuitNow ID dengan CASA/CASA-i** jika mereka masih belum mendaftarkan DuitNow ID tersebut dengan mana-mana bank; dan/atau
 - (iii) melakukan **sekurang-kurangnya satu (1) transaksi DuitNow ke Proksi** (iaitu pindahan dana ke nombor telefon mudah alih, nombor MyKad, nombor pasport atau nombor pendaftaran perniagaan) dengan jumlah minimum sebanyak Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10).

Pelanggan yang mendaftarkan ID DuitNow baharu dengan Bank semasa Tempoh Kempen akan layak memenangi **Pulangan Tunai RM20 untuk pendaftaran ID DuitNow** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan dibenarkan memiliki berbilang ID DuitNow. Untuk tujuan ilustrasi, jika Pelanggan sebelum ini telah mendaftarkan nombor telefon mudah alihnya sebagai ID DuitNow dengan bank lain, dan semasa Tempoh Kempen mendaftarkan nombor MyKadnya yang belum didaftarkan dengan mana-mana bank sebelum Tempoh Kempen, Pelanggan tersebut akan layak mendapat Pulangan Tunai.

4. Pelanggan yang melakukan transaksi Duitnow ke Proksi dengan jumlah minimum Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) akan layak untuk memenangi **Pulangan Tunai RM1 bagi setiap transaksi sehingga Pulangan Tunai maksimum RM5 setiap bulan atau Pulangan Tunai RM15 sepanjang Tempoh Kempen**, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.
 (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**")
5. Setiap Pelanggan yang Layak hanya dibenarkan untuk mendaftar dan pautkan DuitNow ID dengan CASA/CASA-i sekali sahaja semasa Tempoh Kempen. Jika Pelanggan yang Layak didapati telah mendaftar dan DuitNow ID mereka telah beberapa kali dipautkan kepada CASA/CASA-i semasa Tempoh Kempen, Bank hanya akan mengambil pendaftaran pertama sebagai yang layak untuk pemilihan Pulangan Tunai.
6. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat-syarat di atas akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai ("**Pemenang Pulangan Tunai**"), mengikut siapa cepat dia dapat sehingga peruntukan habis, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Untuk Menyertai	Bulan Kempen	Pulangan Tunai Untuk Dimenangi
Melakukan transaksi DuitNow ke Proksi (Pindah ke nombor telefon mudah alih/MyKad/pasport/nombor pendaftaran perniagaan) minimum sebanyak RM10	10 Januari 2022 – 9 Februari 2022	RM1 setiap transaksi Terhad kepada: <ul style="list-style-type: none"> • 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan atau RM15 setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen.
	10 Februari 2022 – 9 Mac 2022	RM1 setiap transaksi Terhad kepada: <ul style="list-style-type: none"> • 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan atau RM15 setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen.
	10 Mac 2022 – 9 April 2022	RM1 setiap transaksi Terhad kepada: <ul style="list-style-type: none"> • 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan atau RM15 setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen.
(i) Mendaftar untuk DuitNow ID baru pada HLB Connect	10 Januari 2022 – 9 Februari 2022	(i) Pendaftaran DuitNow ID RM20 <ul style="list-style-type: none"> • Terhad kepada 500 Pelanggan pertama sebulan. 1 Pulangan Tunai setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen. (ii) Transaksi DuitNow ke Proksi RM1 setiap transaksi

<p>dan/atau</p> <p>(ii) Melakukan transaksi DuitNow ke Proksi (Pindah ke nombor telefon mudah alih/MyKad/pasport/nombor pendaftaran perniagaan) minimum sebanyak RM10</p>		<ul style="list-style-type: none"> Terhad kepada 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan sebulan.
	10 Februari 2022 – 9 Mac 2022	<ul style="list-style-type: none"> (i) Pendaftaran DuitNow ID RM20 <ul style="list-style-type: none"> Terhad kepada 500 Pelanggan pertama sebulan. 1 Pulangan Tunai setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen. (ii) Transaksi DuitNow ke Proksi RM1 setiap transaksi <ul style="list-style-type: none"> Terhad kepada 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan sebulan.
	10 Mac 2022 – 9 April 2022	<ul style="list-style-type: none"> (i) Pendaftaran DuitNow ID RM20 <ul style="list-style-type: none"> Terhad kepada 500 Pelanggan pertama sebulan. 1 Pulangan Tunai setiap Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen. (ii) Transaksi DuitNow ke Proksi RM1 setiap transaksi <ul style="list-style-type: none"> Terhad kepada 30,000 transaksi pertama sebulan. Maksimum RM5 setiap Pelanggan sebulan.

- Pelanggan yang Layak yang mendaftar DuitNow ID baharu mereka semasa Tempoh Kempen berpeluang memenangi Pulangan Tunai sehingga RM35 (Pulangan Tunai agregat yang diperoleh daripada pendaftaran DuitNow ID dan transaksi Duitnow Proksi) sepanjang Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak yang tidak mendaftar DuitNow ID baharu mereka dengan Bank semasa Tempoh Kempen masih boleh memenangi Pulangan Tunai sehingga RM15 sepanjang Tempoh Kempen.
- Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini terhad kepada Seratus Dua Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM120,000):
 - Peruntukan Pulangan Tunai bulanan bagi Pendaftaran DuitNow ID ialah Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000).
 - Peruntukan Pulangan Tunai bulanan bagi Transaksi DuitNow ke Proksi ialah Tiga Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM30,000).
- Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, pendahuluan kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

PENGISIAN PULANGAN TUNAI KEMPEN

- Para Pemenang Pulangan Tunai akan diberitahu melalui SMS dan/atau e-mel (berdasarkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) jika mereka telah dipilih sebagai Pemenang. Senarai Pemenang akan disiarkan melalui <http://www.hlb.co.my/WinDuitNow> ("Laman Web Kempen") pada 07 Mei 2022.
- Semua Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank pada 4 Jun 2022.

12. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga 04 Jun 2022. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
13. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank pada atau sebelum 18 Jun 2022 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan dilayan.

AM

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan. Rayuan atau surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan;
 - (iv) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482772-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996), yang merupakan para vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;
 - (v) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
 - (vi) mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (vii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
15. Bank berhak:
 - (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen; dan
 - (ii) untuk membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat yang mentadbir Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan, Terma dan Syarat DuitNow dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
16. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Mentadbir Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan dan Terma dan Syarat DuitNow hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat yang Mentadbir Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan dan Terma dan Syarat DuitNow, T&S tertentu yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
17. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.



18. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

19. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.